

PM ajak umat Islam berkorban untuk maju

BH 23 FEB 2002

KUALA LUMPUR, Jumaat – Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam di negara ini bertekad terus berkorban bagi memelihara dan membela nasib mereka agar menjadi lebih maju dan cemerlang.

Belliau menggesa umat Islam supaya meningkatkan usaha agar menjadi umat yang progresif, berilmu tinggi, cemerlang dan bermaruah.

Katanya, umat Islam di Malaysia kini bertambah maju dan makmur dengan pemerintahan kerajaan yang mampu menangani cabaran dan masalah, termasuk perbezaan kaum dan agama.

“Mereka sungguh bertuah kerana diberi tempat yang terbaik dalam semua bidang baik politik, ekonomi, sosial dan sebagainya, yang semuanya meletakkan nasib umat Islam di Malaysia pada tempat yang terpelihara,” katanya dalam perutusan Aidiladha yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang ketika ini berada di luar negara dan menyambut Aidiladha di London, mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua umat Islam di Malaysia dan berdoa umat Islam yang sedang menunaikan haji di Tanah Suci dapat menunaikan ibadah itu dengan sempurna dan pulang ke tanah air dengan selamat.

Perdana Menteri berkata, sebagai negara Islam, Malaysia membuktikan pemerintahan negara ini dapat dijalankan dengan adil, walaupun rakyatnya terdiri daripada penganut pelbagai agama.

Sikap tolenrasi dan saling faham memahami antara penduduk berbilang kaum ini menjadikan negara kita sebuah negara yang begitu aman dan selamat, katanya.

Belliau berkata, umat Islam dapat menyambut hari kebesaran agama dalam suasana gembira kerana negara terus berada dalam keadaan aman dan selamat hasil daripada sikap rakyat yang menghargai keamanan dan perpaduan sesama mereka.

“Jelas sekali, majoriti rakyat kita dan umat Islam di Malaysia menolak perlakuan atau perbuatan yang boleh menimbulkan kekacauan dan huru-hara kerana ia tidak akan menguntungkan sesiapa,” katanya.

Katanya, mereka yang cuba mencetuskan keganasan di negara ini ditolak oleh rakyat dan dihukum.

Dr Mahathir juga bersyukur kepada Allah SWT kerana umat Islam di negara ini sentiasa dilindungi daripada malapetaka semula jadi mahupun bencana buatan manusia, termasuk ancaman peperangan, ribut taufan, gunung berapi, penyakit berjangkit, kemiskinan yang keterlaluan dan kebuluran.